

Peluang pelajari tamadun, budaya Xiamen

Kebersihan persekitaran pulau jadi buah mulut pelancong

Hakikatnya hati ini sangat teruja dengan peluang sebagai Profesor Pelawat di Xiamen University, China. Pada 3 November lalu, saya, kakak dan anak berusia 2 tahun selamat sampai di Xiamen, sebuah pulau di selatan China. Pengalaman ini juga adalah kali pertama saya di China dan sekali gus datang dengan tugas berat yang turut membawa imej dan nama Malaysia.

Tugasan akademik selama dua bulan ini bermula sehingga 27 Disember 2015. Pada saya, peluang ini bukan sahaja perlu digunakan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai kewartawanan dengan pelajar, malah juga peluang yang terbentang luas untuk mempelajari budaya Xiamen dan perkara baik yang dibaca mengenai Xiamen sebelum ketibaan di pulau ini.

Kebersihan persekitaran pulau

Antara lain, banyak laporan dibaca mengenai kebersihan persekitaran pulau Xiamen ini. Setiba di Xiamen, perkara pertama yang saya perhatikan ialah aspek ini kerana banyak juga yang kita dengar mengenai kawasan di China yang kurang bersih. Kebetulan di depan pintu pagar universiti terbentang pantai yang menjadi tarikan pelancong, namun dengan jumlah pengunjung yang ramai ini, kebersihan pulau tetap terjaga.

Selain itu, ada juga dibaca mengenai penduduk di Xiamen yang dikatakan sebagai bangsa yang baik budi dan bertamadun. Mereka hidup harmoni dalam suasana aman dan sejahtera. Mungkin juga ada kebenaran kerana hingga hari ini, saya belum berjumpa dengan wanita bertudung dan ketika menaiki kenderaan awam atau sebagainya, hanya saya dan kakak yang jelas beragama Islam.

Namun, mereka tetap memberi tempat duduk kerana saya mendukung anak kecil, di samping tersenyum dan melayan anak saya walaupun majoriti tidak berbahasa Inggeris.

Xiamen juga adalah sebuah bandar pelabuhan utama di China. Ia berjaya menarik ramai pelabur untuk melabur dalam pelbagai aktiviti perindustrian. Xiamen juga kini adalah pelabuhan ke-12 paling sibuk di China. Namun, walaupun bandarnya semakin membangun dan mempunyai reputasi yang tinggi, kehidupan di sini masih aman

dan tenteram.

Misalnya, waktu rehat pejabat sangat lama iaitu dari 11.30 hingga 2.30 petang. Saya tanyakan kepada pelajar yang membantu mengambil saya dari lapangan terbang ke rumah sewa, apa yang dibuat pekerja ketika itu dan katanya ramai yang tidur sebentar sebelum mula bekerja semula pada sebelah petang.

Suasana ketika menulis artikel ini juga sangat sunyi kerana waktu sekarang ialah jam 12 tengah hari, iaitu ketika waktu rehat. Menariknya, kerja pejabat masih boleh berjalan lancar dengan waktu rehat yang sangat panjang itu. Malah, Xiamen juga sedang menuju ke puncak kejayaannya apabila dilaporkan akan menjadi bandar besar pada penghujung tahun 2020 dengan populasi melebihi 5.5 juta orang.

Kini, penduduk Xiamen adalah 3.73 juta orang (sehingga akhir 2013). Mungkin juga pada 2020 adalah tahun ke-ramat bagi Malaysia dan juga Xiamen kerana nampaknya sama-sama menuju ke arah gelaran negara atau kawasan perindustrian yang maju ketika itu.

Buka cawangan di Malaysia

Kemajuan ini sama-sama dirasai dengan minat Xiamen University membuka cawangannya di Malaysia.

Xiamen University atau XMU ditubuhkan oleh Tan Kah Kee pada 1921 iaitu ahli perniagaan China yang merantau ke Asia Tenggara termasuk Malaysia. XMU adalah institusi pengajian tinggi pertama di China yang ditubuhkan oleh orang Cina yang tidak menetap di China.

Dari segi status, XMU adalah universiti bertekankan penyelidikan yang berada di tangga ke-11 dalam senarai universiti di China seperti yang disenaraikan oleh *Times Higher Education World University 2015-2016*. Semoga penubuhan XMU di Malaysia ini memberi suatu bentuk alternatif pendidikan yang bersifat 'dekolonisasi' di samping menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan yang penting di dunia.

Penulis

ialah Profesor Pelawat, Sekolah Kewartawanan dan Komunikasi, Xiamen University, China yang juga Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia



DR SITI SURIANI OTHMAN